

# Lapan faktor sokong daya tahan ekonomi negara

BERITA HARIAN 18/9/18 m/s 22.

→ Kerajaan komited tingkat kemampuan fiskal, capai pertumbuhan mampan



Lim Guan Eng

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@nstp.com.my

**T**erdapat lapan faktor yang menyokong ekonomi negara untuk terus berdaya tahan meskipun berdepan pelbagai cabaran, kata Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Faktor berkenaan, katanya ialah pertumbuhan yang mantap; kepelbagaian ekonomi yang tinggi; pasaran buruh yang menggalakkan; mempunyai lebihan akaun semasa; kadar pertukaran mata wang yang fleksibel; penampan luaran yang mencukupi; keadaan inflasi yang rendah dan konflik perdagangan antara China dan Amerika Syarikat (AS) mewujudkan satu peluang unik bagi Malaysia.

"Malaysia adalah negara kukuh, makmur dan mempunyai potensi yang hebat. Bagi merealisasikan potensi ini, Kerajaan Persekutuan komited untuk meningkatkan kemampuan fiskal, mengukuhkan daya tahan dan mencapai pertumbuhan mampan dan saksama bagi negara Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Guan Eng berkata, ketidaktentuan perkembangan global kebelakangan ini telah meningkatkan pesimisme serta risiko penurunan terhadap pertumbuhan ekonomi dunia, terutama di kalangan pasaran

FTSE Bursa Malaysia adalah antara terbaik di Asia Pasifik.

"Sejak akhir 2017, indeks ini naik 0.13 peratus sehingga 7 September. Sebagai perbandingan, Indeks Straits Times Singapura dan Indeks Nikkei 225 Jepun masing-masing jatuh 8.29 peratus dan 1.72 peratus dalam tempoh yang sama," katanya.

## Tidak dapat elak pengaruh faktor luaran

Mengenai ringgit, Guan Eng berkata, berikutan pasaran pertukaran wang asing yang mendalam dan terbuka, nilai mata wang tempatan itu tidak dapat mengelak daripada dipengaruhi faktor luaran.

Bagaimanapun, beliau berkata, sejak akhir 2017, ringgit adalah antara mata wang di rantau Asia Pasifik yang paling berdaya tahan berbanding dolar AS, yang mana ia telah menyusut hanya sebanyak 2.6 peratus dalam tempoh yang sama.

Sementara itu, beliau berkata tahap pendidikan, kualiti infrastruktur fizikal dan bukan fizikal serta penguasaan bahasa Inggeris dan Cina juga memberikan Malaysia satu kelebihan berbanding pesaing lain seperti Thailand, Vietnam atau Indonesia.

"Malaysia juga kekal sebagai satu destinasi lebih murah berbanding negara seperti Singapura dan Hong Kong," katanya.